

Kepetahan Ustaz Kamal

PERSONALITI

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

UM 21 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Kepetahannya berpidato di khalayak ramai dan kefasihannya menggunakan ayat-ayat suci al-Quran dan hadis menjadikan beliau seorang yang sering menjadi tumpuan ketika berucap pada Perhimpunan Agung UMNO.

Sesuai dengan gelaran Ustaz Kamal yang diberi kepadanya, Mohd. Kamal Saidin, 47, sentiasa menyelitkan dalam ucapannya fakta-fakta sejarah perkembangan Islam sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dan mengaitkannya dengan apa yang berlaku di Malaysia.

Dan inilah juga yang sering menjadi intipati ucapannya pada majlis-majlis ceramah dan penerangan di seluruh pelosok negara.

Atas kesedarannya bahawa perjuangan UMNO adalah seiring dengan perjuangan menegakkan syiar

Islam di negara ini, Ustaz Kamal mengambil keputusan untuk aktif dalam UMNO.

“Saya mengambil keputusan untuk aktif dalam UMNO sejak tahun 1986 selepas bersara sebagai guru di Kedah. Saya melakukan penyelidikan berkaitan parti ini, malah saya merujuk kepada seorang kadi, Sheikh Ahmad Saleh, ternyata pilihan saya tepat,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Ustaz Kamal dari UMNO Bahagian Padang, Kedah, mula berucap di Perhimpunan Agung UMNO 2001 sehinggalah perhimpunan tahun ini mewakili Badan Perhubungan UMNO Kedah.

Beliau yang mempunyai seorang isteri dan lima cahaya mata kini menjawat jawatan Setiausaha

berpidato sering jadi tumpuan

Penerangan UMNO Kedah dan telah menjelajah ke seluruh negara sebagai jurucakap UMNO bagi menerangkan kepada rakyat khususnya berkaitan penyelewengan Islam yang dilakukan oleh Pas.

Ustaz Kamal berkata, usaha UMNO memaju dan membangunkan Malaysia tidak berbeza dengan usaha Nabi Muhammad s.a.w mengasaskan kerajaan Islam pertama di Madinah kira-kira 1,424 tahun lalu.

“Apa yang Rasulullah buat selepas tiba di Madinah? Baginda mendirikan masjid untuk perpaduan selain ibadah kemudian mempersaudarakan hubungan kaum Muhajirin dan Ansar seterusnya mengadakan hubungan dengan bukan Islam dan akhirnya membangunkan sosio ekonomi penduduk Madinah.

“Jadi apa beza kita di Malaysia? Apabila penjajah membebaskan Malaysia, siapa yang bertanggungjawab dirikan masjid, mengajak perpaduan antara Pas dan UMNO, mewujudkan hubungan dengan bukan Islam.

“Oleh itu, apa yang berlaku di Malaysia adalah sama dengan sunah Rasulullah, jadi Malaysia adalah negara Islam dan yang melakukan semua itu ialah UMNO,” katanya.

Berkaitan ucapannya yang mendapat perhatian pada Perhimpunan Agung UMNO, beliau menyata-

kan, faktor utama dalam ucapannya ialah mengaitkan fakta-fakta yang ada dengan ucapan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, para perwakilan perlu faham apa yang tersirat dalam ucapan Presiden UMNO bukan mengulanginya dalam perbahasan.

“Semua ahli mendengar ucapan Presiden UMNO, jadi kita tidak perlu ulang tetapi cuba kita cari yang tersirat dan menghuraikannya tanpa lari dari konteks ucapan, dengan itu semua orang akan dengar,” jelasnya.

Sambil menegaskan bahawa beliau akan terus berjuang dalam UMNO, beliau bersyukur dikurniakan Allah dengan kebolehan dan keupayaan berpidato dengan baik.

Ustaz Kamal berkata, beliau mampu menyampaikan segala teguran sama ada kepada UMNO atau Pas kerana beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam parti.

“Saya bercakap tentang fakta dengan niat yang ikhlas. Itu sangat penting untuk kita menarik perhatian pendengar dan yang lebih penting ialah menyayakan amanah kita sebagai umat Islam,” katanya.